

13/10/1999

PM minta kaum Cina beri kerjasama kekal ekuiti

Kadir Dikoh

KLANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap masyarakat Cina akan sekali lagi berganding bahu dengan kerajaan untuk membantu menyusun semula perniagaan Bumiputera yang terjejas teruk berikutan kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, permintaan itu bukan dibuat `ala Robin Hood' dengan merampas kekayaan bukan Bumiputera untuk diagihkan kepada Bumiputera, tetapi bertujuan menseimbangkan semula ekuiti antara kaum yang merekah kembali akibat krisis kewangan.

"Dulu, anda (masyarakat perniagaan Cina) bekerjasama baik dengan kerajaan sehingga berupaya membantu menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan sanggup berkongsi perniagaan, memberi saham dan membenarkan penyertaan cergas Bumiputera.

"Sekarang, anda perlu melakukan tindakan yang sama sekali lagi untuk membantu menseimbangkan pembangunan ekonomi masyarakat pelbagai kaum. Saya tidak meminta anda memberi apa yang anda miliki (kekayaan), tetapi kerajaan akan cuba memesatkan semula pertumbuhan ekonomi.

"Apabila kek ekonomi ini berkembang, kita agihkan bahagian lebih besar kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera. Saya berharap bukan Bumiputera akan membantu sekali lagi supaya kekayaan negara terus diagihkan sama rata dan adil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat agung ke-53 Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di sini, hari ini.

Hadir sama, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Presiden ACCCIM, Datuk Lim Guan Teik.

Terdahulu, Guan Teik dalam ucapan aluannya menyampaikan ikrar ACCCIM menyokong penuh kepemimpinan Dr Mahathir dan semua strategi kerajaan dalam usaha mengembalikan keyakinan pasaran serta pemulihan ekonomi.

"Masyarakat peniaga kini selesa kerana negara berada di laluan betul ke arah pemulihan ekonomi. Sudah tentu masih ada masalah dan halangan yang belum ditangani tetapi saya yakin dengan usaha bersepadu dan semangat persyarikatan Malaysia, kedua-dua kerajaan dan sektor swasta akan dapat menyelesaikan masalah itu," kata Guan Teik.

Dr Mahathir dalam ucapan di hadapan lebih 1,000 perwakilan dewan perniagaan Cina dari seluruh negara itu, juga yakin masyarakat Cina dengan kemahiran perniagaan mereka, berupaya membantu rakan sejawat di kalangan Bumiputera untuk sama-sama mengembangkan ekonomi negara.

Katanya, kegawatan ekonomi yang dicituskan pedagang mata wang menyebabkan sebilangan besar perniagaan Bumiputera, dijual kepada bukan Bumiputera sehingga mewujudkan semula keadaan tidak seimbang dalam ekuiti ekonomi dan keadaan ini mesti dibetulkan.

Sambil berterima kasih kepada masyarakat perniagaan Cina kerana sumbangan mereka setakat ini, Dr Mahathir berkata, sumbangan mereka seterusnya penting bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagai ganjaran, katanya, apa yang akan diperolehi ialah keamanan dan kestabilan yang amat perlu bagi mewujudkan suasana perniagaan yang lebih menguntungkan.

"Untuk peniaga, mereka perlukan kestabilan. Jika berlaku rusuhan di jalan raya, bakar kereta dan sebagainya, orang tak mahu datang melabur dan ini menjejaskan perniagaan termasuk di kalangan peniaga kecil.

"Golongan yang tidak bertanggungjawab ini tidak tahu penderitaan yang dialami masyarakat perniagaan. Mereka tidak ada idea langsung bagaimana nak memulihkan ekonomi," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu rakyat menolak perancang rusuhan jalanan dalam pilihan raya umum akan datang kerana mereka tidak layak menjadi wakil rakyat.

"Mereka seharusnya diletakkan di suatu tempat supaya kurang merosakkan orang lain," katanya disambut tepukan gemuruh.

Dr Mahathir berkata, kumpulan terbabit tidak ada idea untuk mengurus dan memulihkan ekonomi negara yang terjejas teruk disebabkan kegawatan ekonomi.

Sebaliknya, kata beliau, apa yang mereka dapat lakukan ialah mengadakan demonstrasi di jalan raya, memaki hamun, membakar motosikal dan memukul polis.

Perdana Menteri berkata, demonstrasi sebenarnya tidak begitu menjejaskan kerajaan tetapi memberi kesan teruk terhadap perniagaan.

"Apabila mereka berdemonstrasi, mereka fikir mereka bijak untuk menunjukkan betapa bencinya mereka terhadap kerajaan, tetapi sebaliknya hanya menjejaskan peniaga kecil," katanya.

Bercakap kepada pemberita pula, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mengkaji kira-kira 200 resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB4) dan akan menggabungkannya dengan pandangan masyarakat Cina apabila mereka mengadakan perjumpaan serupa tahun depan.

Katanya, menerusi KEB4 bulan lalu kerajaan mendapat maklumat bahawa ramai peniaga Bumiputera termasuk syarikat gergasi, terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi dan memerlukan bantuan untuk bergerak semula.

(END)